



Headline: Kerugian Macau Scam RM3.02 juta  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 23 July 2018

Language: Malay  
Section: Tengah  
Page: 17

## ***Kerugian Macau Scam RM3.02 juta***

KUANTAN – Polis Pahang mencatatkan sebanyak 71 kes Macau Scam membabitkan kerugian RM3.02 juta di negeri ini dari Januari hingga April lalu tahun ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang Superintendan Mohd Wazir Yusof berkata, sehingga kini empat suspek dihadapkan ke mahkamah.

Menurutnya, modus operandi Macau Scam yang memperdayakan mangsa kononnya terlibat dengan jenayah membuat mangsa panik dan hingga mengeluarkan simpanan untuk dimasukkan ke dalam akaun sindiket.

“Jika dilihat punca mangsa bertindak demikian kerana takut dan panik kerana

suspek menyamar menjadi penguat kuasa dan memberitahu mangsa terlibat jenayah. Antaranya penggubahan wang haram, dadah, penipuan kad kredit dan trafik sebelum diugut akan menahan dan menangkap mangsa.

“Suspek akan mengarahkan mangsa memindahkan wang dari akaun mangsa ke akaun suspek kononnya bagi pihak bank menjalankan siasatan. Selepas wang dipindahkan suspek terus menghilangkan diri,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Mohd Wazir berkata, kebanyakan kes sindiket ini akan menyamar sebagai polis, pegawai bank dan SPRM,” katanya.